

IBU BAPA SIBUK, AL-QURAN TERABAI? ANALISIS PUNCA DAN SOLUSI

PARENTS TOO BUSY, QURAN NEGLECTED? ANALYZING CAUSES AND SOLUTIONS

Nik Siti Hajar Ahmad Azhar ^{1*}

Latifah Abdul Majid ²

Sabri Mohamad ³

¹ Nik Siti Hajar: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
(E-mail: niksitiহার98@gmail.com)

² Latifah A.M: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
(E-mail: umilm@ukm.edu.my)

³ Sabri Mohamad: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor
(E-mail: sabri_m@ukm.edu.my)

*Corresponding author: niksitiহার98@gmail.com

Article history

Received date : 2-12-2025

Revised date : 3-12-2025

Accepted date : 24-12-2025

Published date : 20-1-2026

To cite this document:

Ahmad Azhar, N. S. H., Abdul Majid, L., & Mohamad, S. (2026). Ibu bapa sibuk, Al-Quran terabai? Analisis punca dan solusi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 339 – 351.

Abstrak: Membaca al-Quran adalah satu kewajipan dan tanggungjawab bagi umat Islam. Setiap lapisan masyarakat, khususnya ibu bapa, perlu menguasai bacaan al-Quran dengan baik demi menunaikan tanggungjawab mereka dalam memberi didikan agama terhadap anak-anak. Namun begitu, kelemahan ibu bapa dalam menguasai bacaan al-Quran dilihat terabai, disebabkan oleh kesibukan dan komitmen kerjaya yang lebih menjadi keutamaan dan satu halangan buat ibu bapa dalam mempelajari al-Quran. Sehubungan itu, makalah ini dijalankan untuk mengkaji punca kepada kelemahan ibu bapa dalam menguasai bacaan al-Quran dan solusi kepada permasalahan ini. Kajian ini berbentuk kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan edaran soal selidik terhadap 384 ibu bapa berkerjaya di Petaling Jaya, Selangor. Hasil kajian mendapati bahawa punca kelemahan bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa berkerjaya adalah kefahaman hukum tajwid dan terjemahan ayat al-Quran, kekerapan mengaji al-Quran dan disiplin diri dalam mengaji al-Quran. Sehubungan itu, antara solusi yang dicadangkan untuk mempertingkatkan penguasaan al-Quran adalah, ibu bapa berkerjaya perlu melibatkan diri dalam kelas pengajian al-Quran bersama guru yang mahir dalam bidang al-Quran, sama ada kelas secara bersemuka atau atas talian. Selain itu, ibu bapa juga digalakkan untuk memanfaatkan aplikasi telefon pintar yang menyediakan platform pembelajaran al-Quran, yang boleh membantu memperbaiki bacaan al-Quran dengan lebih berkesan.

Kata Kunci: Kelemahan bacaan al-Quran, penguasaan, ibu bapa, punca, solusi.

Abstract: *Reading the Quran is an obligation and responsibility for Muslims. Every segment of society, especially parents, needs to master Quranic recitation well to fulfill their responsibility in providing religious education to their children. However, parents' weakness in mastering Quranic recitation is often neglected due to the busyness and career commitments that take priority and become an obstacle for them in learning the Quran. Therefore, this paper aims to examine the causes of parents' weakness in mastering Quranic recitation and the solutions to these problems. This study is quantitative, using a survey method with questionnaires distributed to 384 working parents in Petaling Jaya, Selangor. The study found that the causes of weak Quranic recitation among working parents are understanding of tajwid rules and translation of Quranic translation, frequency of recitation, and self-discipline in reciting the Quran. Therefore, among the suggested solutions to improve Quranic mastery are that working parents should participate in Quranic study classes with teachers skilled in the field of Quran, either face-to-face or online. Additionally, parents are encouraged to utilize smartphone applications that provide Quranic learning platforms, which can help improve Quranic reading more effectively.*

Keywords: *Weakness in Quranic reading, mastery, parents, causes, solutions*

Pendahuluan

Pembelajaran dan penguasaan bacaan al-Quran merupakan satu keperluan asas dalam pendidikan Islam, khususnya dalam konteks pembentukan akidah dan amalan beragama. Dalam institusi keluarga, ibu bapa memainkan peranan utama sebagai pendidik awal yang bertanggungjawab memastikan anak-anak mendapat pendidikan al-Quran yang berkesan. Oleh itu, tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa amat signifikan kerana ia secara langsung mempengaruhi keberkesanan proses pendidikan agama di rumah (Sa'ari et al., 2019).

Walaupun bagaimanapun, perubahan corak kehidupan moden, khususnya peningkatan bilangan ibu bapa berkerjaya, telah memberi kesan terhadap penglibatan mereka dalam pembelajaran dan pengamalan al-Quran secara konsisten. Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa faktor kesibukan kerja, kekangan masa serta kurang disiplin diri menjadi antara cabaran utama yang menjejaskan amalan membaca dan mempelajari al-Quran dalam kalangan golongan dewasa (Ishak et al., 2021). Keadaan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan peranan ibu bapa sebagai model dan pendidik al-Quran kepada anak-anak.

Walaupun terdapat kajian yang membincangkan kepentingan pendidikan al-Quran dalam keluarga serta peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak, kajian empirikal yang meneliti secara khusus punca kelemahan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa berkerjaya, terutamanya menggunakan pendekatan kuantitatif, masih terhad. Selain itu, kebanyakan kajian sedia ada lebih menumpukan kepada aspek pendidikan al-Quran kanak-kanak dan remaja, berbanding tahap penguasaan ibu bapa sendiri sebagai pendidik utama dalam keluarga.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti punca-punca kelemahan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa berkerjaya serta mencadangkan solusi yang bersesuaian bagi meningkatkan penguasaan tersebut, khususnya dalam konteks kehidupan moden yang menuntut keseimbangan antara kerjaya dan tanggungjawab keagamaan.

Cabaran Ibu Bapa Dalam Mengaji al-Quran

Penguasaan bacaan al-Quran merupakan satu keperluan asas bagi setiap individu Muslim tanpa mengira peringkat usia. Dalam konteks keluarga, ibu bapa berperanan sebagai pendidik utama yang bertanggungjawab membimbing anak-anak dalam pendidikan al-Quran. Oleh itu, tahap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa menjadi asas penting kepada keberkesanan pendidikan agama dalam institusi keluarga.

Walaupun bagaimanapun, beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan golongan dewasa, termasuk ibu bapa, masih berada pada tahap yang membimbangkan. Mujahidin (2020) melaporkan bahawa sebahagian umat Islam dalam kalangan dewasa masih tidak mampu membaca al-Quran dengan baik, malah ada yang tidak dapat membacanya sama sekali. Dapatan ini selari dengan kajian Kipayatu et al. (2020) yang mendapati bahawa kekurangan kefahaman terhadap maksud ayat-ayat al-Quran menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk membaca al-Quran secara konsisten, sekali gus mengabaikan pembelajaran al-Quran.

Selain itu, cabaran utama yang dikenal pasti dalam literatur ialah kelemahan kefahaman terhadap hukum tajwid. Gafur et al. (2023) mendapati bahawa ramai pembaca al-Quran masih keliru dalam memahami dan mengaplikasikan hukum tajwid, yang seterusnya menjejaskan kelancaran dan ketepatan bacaan. Dapatan ini turut disokong oleh Hamid et al. (2023) yang menyatakan bahawa kepelbagaian hukum tajwid yang dianggap kompleks menjadi faktor penghalang kepada amalan membaca al-Quran secara berterusan dan bertajwid sempurna dalam kalangan umat Islam.

Dari sudut pengurusan masa, beberapa kajian menunjukkan bahawa ibu bapa berdepan kesukaran untuk memperuntukkan masa khusus bagi pembelajaran al-Quran akibat tuntutan kerjaya dan bebanan kerja. Ghazali dan Razak (2023) menegaskan bahawa komitmen terhadap pekerjaan sering menjejaskan keupayaan ibu bapa untuk memantau serta meningkatkan kemahiran pembelajaran agama, termasuk bacaan al-Quran. Dapatan ini disokong oleh Dauda dan Abdulgafar (2023), Salleh dan Yunus (2023), Ismail et al. (2022) & Musida dan Sombuling (2017) yang melaporkan bahawa ketidakseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi menyebabkan tekanan emosi dan kekurangan masa untuk aktiviti keagamaan.

Selain faktor masa dan kefahaman, latar belakang sosioekonomi turut dikenal pasti sebagai cabaran dalam pembelajaran al-Quran. Zakaria et al. (2023) mendapati bahawa ibu bapa berpendapatan rendah cenderung kurang melibatkan diri dalam kelas pengajian al-Quran berbanding ibu bapa berpendapatan tinggi, disebabkan kekangan kewangan dan keutamaan terhadap keperluan asas. Jannah dan Marzudi (2021) turut menyatakan bahawa kekangan sumber pendapatan boleh menyebabkan keperluan pendidikan agama kurang diberi perhatian, sama ada secara sedar atau tidak.

Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah mengenal pasti cabaran pembelajaran al-Quran dalam kalangan masyarakat dewasa, kebanyakan kajian tersebut membincangkan faktor-faktor ini secara umum tanpa meneliti secara khusus penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa berkerjaya menggunakan pendekatan kuantitatif yang mengukur faktor penyumbang secara empirikal. Kekurangan sintesis data kuantitatif yang memfokuskan kepada ibu bapa berkerjaya menunjukkan wujudnya jurang kajian yang perlu diterokai secara sistematik.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan pendekatan kajian tinjauan. Pendekatan kuantitatif dipilih berdasarkan permasalahan dan objektif kajian yang bertujuan meneliti punca kelemahan ibu bapa dalam menguasai bacaan al-Quran. Kaedah ini sesuai digunakan untuk mengkaji hubungan serta interaksi antara pemboleh ubah yang melibatkan tingkah laku dan situasi sosial secara empirikal (Mortada, 2020). Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik bagi memperoleh data berkaitan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa berkerjaya dalam pembelajaran al-Quran.

Populasi dan sampel kajian

Populasi kajian terdiri daripada ibu bapa berkerjaya di daerah Petaling Jaya, Selangor. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), yang mencadangkan saiz sampel seramai 384 orang responden. Oleh itu, kajian ini melibatkan seramai 384 ibu bapa berkerjaya yang berumur 25 tahun ke atas. Pemilihan sampel dilakukan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dalam kalangan ibu bapa berkerjaya yang memenuhi kriteria kajian. Kajian ini memfokuskan kepada ibu bapa yang mempunyai anak berumur 9 hingga 12 tahun, memandangkan kanak-kanak dalam lingkungan usia ini telah melepasi kaedah *talaqqi musyafahah* dan berupaya membaca al-Quran secara sendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Pengagihan jantina responden tidak dikawal secara khusus dan bergantung kepada kesediaan ibu bapa yang memenuhi kriteria kajian.

Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dan sebanyak 384 set soalan kaji selidik diedarkan kepada ibu bapa yang bekerja sahaja. Soal selidik kajian merangkumi satu bahagian iaitu penelitian terhadap punca kelemahan ibu bapa dalam membaca al-Quran. Terdapat dua skala yang digunakan dalam soal selidik iaitu skala pertama: “Amat Baik”, “Baik”, “Sederhana”, “Lemah” & “Sangat Lemah” dan skala kedua: “Sentiasa”, “Kerap”, “Agak Kerap”, “Kadang-kadang” & “Tidak pernah”.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan kandungan instrumen kajian ditentukan melalui semakan oleh dua orang pakar dalam bidang pendidikan al-Quran dan tajwid bagi memastikan kesesuaian dan kejelasan item soal selidik. Bagi menilai kebolehpercayaan instrumen, satu kajian rintis (*pilot test*) telah dijalankan melibatkan 38 orang responden daripada latar belakang yang hampir sama dengan sampel kajian sebenar. Analisis kebolehpercayaan menggunakan Cronbach’s alpha menunjukkan nilai $\alpha = 0.95$, yang menandakan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi dan sesuai digunakan untuk kajian sosial (Hair et al., 2019). Nilai ini menunjukkan bahawa item soal selidik mempunyai konsistensi dalaman yang baik.

Etika Kajian

Kajian ini telah memperoleh kelulusan etika penyelidikan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semua responden dimaklumkan mengenai tujuan kajian dan persetujuan bermaklum diperoleh sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela, dan responden diberi kebebasan untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Identiti serta maklumat peribadi responden dirahsiakan sepenuhnya dan digunakan hanya untuk tujuan penyelidikan akademik.

Analisis Data

Soalan kaji selidik diedarkan secara bersemuka dan atas talian iaitu melalui “*Quick Response Code*” atau lebih dikenali dengan “*QR Code*” untuk diimbas bagi menjawab soalan di platform “*Google Form*”. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27 untuk Windows. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis kekerapan, peratusan dan ukuran kecenderungan memusat, iaitu min. Manakala statistik inferensi digunakan untuk menilai hubungan dan perbezaan antara pemboleh ubah kajian. Interpretasi min yang diperoleh dalam hasil kajian adalah dikira menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan sebagaimana dalam jadual 1:

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Jamil, 2002; Ismail, 2011

Punca Ibu Bapa Lemah dalam Bacaan al-Quran

Terdapat dua aspek yang dinilai bagi mengukur apakah punca yang menjadi penyebab kepada ibu bapa lemah dalam menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Aspek yang pertama pada Jadual 2 adalah amalan ibu bapa dalam pembacaan al-Quran. Manakala, aspek yang kedua pada Jadual 3 adalah tentang kekerapan harian ibu bapa dalam membaca al-Quran.

a. Halangan ibu bapa dalam mempelajari al-Quran

Jadual 2: Taburan kekerapan, peratusan dan min bagi amalan ibu bapa dalam pembacaan al-Quran

Bil.	Item	Sangat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Amat Baik	Min
1.	Tahap penguasaan anda dalam membaca al-Quran	14 3.6%	15 3.9%	155 40.4%	153 39.8%	47 12.2%	3.53
2.	Kefahaman anda dalam hukum tajwid	19 4.9%	27 7.0%	176 45.8%	125 32.6%	37 9.6%	3.35
3.	Membaca al-Quran dengan menggunakan tajwid yang betul	17 4.4%	30 7.8%	171 44.5%	130 33.9%	36 9.4%	3.36
4.	Kefahaman terhadap makna ayat al-Quran ketika mengaji al-Quran	41 10.7%	88 22.9%	186 48.4%	60 15.6%	9 2.3%	2.76
5.	Peruntukan masa ibu bapa membaca al-Quran bersama anak-anak	32 8.3%	52 13.5%	174 45.3%	108 28.1%	18 4.7%	3.07
6.	Kemampuan mengajar anak-anak untuk membaca al-Quran	24 6.3%	51 13.3%	154 40.1%	119 31.0%	36 9.4%	3.24
7.	Disiplin anda membaca al-Quran di rumah	14 3.6%	25 6.5%	150 39.1%	141 36.7%	54 14.1%	3.51

b. Rutin bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa

Jadual 3: Taburan kekerapan, peratusan dan min bagi kekerapan harian ibu bapa dalam membaca al-Quran.

Bil.	Item	Tidak Pernah	Kadang-kadang	Agak Kerap	Kerap	Sentiasa	Min
		Tidak dilakukan	1 kali sebulan	1-2 kali seminggu	3 kali seminggu	Setiap hari	
1.	Kekerapan anda membaca al-Quran	12 3.1%	51 13.3%	128 33.3%	116 30.2%	77 20.1%	3.51
2.	Kekerapan anda berkumpul bersama anak-anak untuk mengaji al-Quran	30 7.8%	97 25.3%	134 34.9%	87 22.7%	36 9.4%	3.01
3.	Kekerapan anda membaca terjemahan/ makna ayat al-Quran	39 10.2%	126 32.8%	146 38.0%	59 15.4%	14 3.6%	2.70

Berdasarkan hasil analisis kajian terhadap halangan ibu bapa dalam pembelajaran al-Quran dan rutin bacaan harian mereka dalam membaca al-Quran, kajian mendapati tahap penguasaan ibu bapa dalam membaca al-Quran berada pada tahap sederhana. Kajian merumuskan bahawa terdapat tiga faktor yang mempengaruhi kelemahan ibu bapa dalam menguasai bacaan al-Quran dengan baik. Antaranya adalah:

1. Kefahaman ibu bapa dalam hukum tajwid dan terjemahan ayat al-Quran

Berdasarkan analisis hasil kajian, dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan ibu bapa masih berada pada tahap yang sederhana. Hal ini perlu dititikberatkan kerana kefahaman hukum tajwid merupakan asas dalam bacaan al-Quran dan ilmu ini menerangkan kepada kita kaedah bagaimana cara untuk membaca al-Quran dengan tepat. Pembelajaran tajwid adalah satu tata cara bacaan al-Quran yang mengajarkan bagaimana cara mengeluarkan bunyi huruf-huruf al-Quran, sesuai dengan tempat keluarnya suara (makhraj) dan sifat-sifatnya. Selain itu, ilmu tajwid juga mengajarkan kepada kita tempat-tempat untuk berhenti bacaan al-Quran (*Waqaf*) dan tempat memulai bacaan kembali (*Ibtida'*) (Lailatus Sholikhah, 2019). Antara dalil yang menyeru umat Islam membaca al-Quran dengan bertajwid adalah firman Allah SWT dalam surah al-Muzzammil ayat keempat:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

“Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan “Tartil”.

Oleh yang demikian, pembacaan al-Quran dengan tajwid yang sempurna adalah penting kerana kefahaman hukum tajwid yang betul boleh mempengaruhi kemampuan membaca al-Quran dan menyusun bacaan dengan lebih baik. Namun begitu, masih ramai pembaca al-Quran yang masih keliru dalam memahami hukum tajwid yang mengakibatkan mereka kurang mahir dalam membaca al-Quran disebabkan tidak mengenali hukum-hukum tajwid yang dibaca (Ghafur et al., 2023).

Selain itu, ibu bapa juga tidak memahami terjemahan ayat al-Quran ketika membaca al-Quran. Malah, kekerapan mereka dalam membaca terjemahan juga adalah tidak konsisten. Hal ini boleh dikatakan, ada perkaitan dengan kelemahan ibu bapa dalam memahami bahasa Arab. Mohtar et al. (2022) menjelaskan, pembelajaran bahasa Arab diperlukan untuk memahami al-Quran dengan baik namun, ianya sukar bagi masyarakat di Malaysia kerana masyarakat Malaysia bukan penutur asli dalam berbahasa Arab. Kajian beliau juga melaporkan bahawa majoriti responden kajian yang terdiri daripada golongan dewasa menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran untuk menghafal kalimah Arab walaupun mereka telah membaca al-Quran yang mempunyai terjemahan satu persatu kalimah. Oleh itu, jika tahap penguasaan bahasa Arab lemah, penguasaan al-Quran juga turut lemah kerana bahasa yang digunakan dalam bacaan al-Quran adalah bahasa Arab (Hanapi et al., 2022).

Oleh yang demikian, kelemahan ibu bapa dalam memahami tajwid dan terjemahan al-Quran perlu ditambah baik, kerana ibu bapa pula perlu memberi tunjuk ajar kepada anak-anak dalam pembelajaran al-Quran dari peringkat awal usia. Ibu bapa seharusnya perlu fokus dalam bacaan al-Quran untuk menjaga kualiti bacaan yang sempurna tajwid, serta mentadabbur iaitu memahami dan menghayati makna al-Quran. Apabila ibu bapa boleh membaca al-Quran dengan sempurna tajwid dan penghayatan al-Quran, sudah semestinya ibu bapa akan lebih dekat dan menjiwai al-Quran (Hakim et al., 2023).

2. Rutin harian ibu bapa dalam mengaji al-Quran

Rutin harian ibu bapa untuk mengaji al-Quran merupakan antara salah satu punca yang menjadikan mereka sukar untuk menguasai al-Quran disebabkan oleh, rutin berkait rapat dengan kekerapan. Kekerapan adalah merujuk kepada konsistensi ibu bapa untuk mengaji al-Quran dan konsistensi merupakan elemen penting dalam gaya hidup ibu bapa supaya mereka boleh membentuk penambahbaikan dalam pembacaan. Walau bagaimanapun, dapatan mendapati konsistensi ibu bapa dalam membaca al-Quran dilihat kurang konsisten apabila kekerapan tertinggi bagi mereka dalam membaca adalah sebanyak satu hingga dua kali sahaja dalam satu minggu. Begitu juga dengan kekerapan ibu bapa untuk berkumpul bersama anak-anak untuk mengaji al-Quran, juga menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan apabila majoritinya memilih satu hingga dua kali sahaja dalam satu minggu.

Lantaran itu, dapat dilihat bahawa kurangnya kekerapan dalam mengaji al-Quran adalah punca kepada kelemahan ibu bapa dalam menguasai bacaan dengan baik. Hal ini kerana, konsistensi dalam mengaji al-Quran adalah penting kerana, kekerapan mengaji al-Quran akan membantu dan memudahkan ibu bapa untuk mengingat dan membezakan huruf-huruf hijaiyah dengan betul (Gani & Rosli, 2023). Jika ibu bapa sentiasa konsisten untuk mengaji, ibu bapa sendiri akan lahir perasaan suka, dan tidak merasa terbeban kerana sudah menjadi satu rutin harian tetap buat mereka. Ibu bapa seharusnya meluangkan masa yang banyak dalam mempelajari al-Quran, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45 :

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ٤

“Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingat Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan(45)”.

Oleh yang demikian, hal ini berkait rapat dengan minat ibu bapa itu sendiri untuk mempelajari al-Quran kerana kita akan kerap melakukan sesuatu perkara jika ia merupakan satu minat untuk diri kita. Begitu juga dengan kekerapan mengaji al-Quran, kerana kekerapan pembacaan yang berkala dapat menjamin kelancaran bacaan al-Quran (Doriza, Yusro & Ristianti 2023). Oleh itu, ibu bapa perlu membetulkan niat mereka terlebih dahulu kerana niat adalah satu kecenderungan hati untuk melakukan sesuatu perkara dengan ikhlas dan berlapang dada. Jika ibu bapa sentiasa mempunyai niat untuk dekat bersama dengan al-Quran, ibu bapa akan lebih kerap untuk meluangkan masa bersama al-Quran, disebabkan oleh kecenderungan membawa mereka untuk selalu melakukan sesuatu perkara yang kita minati (Lailatus Sholikhah, 2019).

3. Pengurusan masa ibu bapa dalam mengaji al-Quran

Penguasaan al-Quran memerlukan kepada pengurusan disiplin diri yang tinggi iaitu mampu menjaga masa mereka dengan baik. Menurut Yakub, Musa & Azman (2022), bijak membahagikan masa adalah kunci kepada orang yang berjaya. Namun begitu, ibu bapa yang berkerjaya sering kali dikejar dengan kesibukan berkerja sehinggakan mereka lalai dengan tanggungjawab mereka bersama al-Quran. Maka, peruntukan masa setiap hari untuk membaca al-Quran adalah penting supaya ibu bapa boleh istiqamah dalam mendisiplinkan diri. Hal ini kerana, apabila istiqamah dapat dijaga dengan baik, ibu bapa akan sentiasa memperuntukkan masa untuk membaca al-Quran walaupun mereka berada dalam kesibukan.

Menurut Gosman et al. (2020), kekangan masa menyebabkan ibu bapa mengabaikan peranan mereka dalam pendidikan anak-anak kerana mereka tidak dapat memperuntukkan masa yang cukup. Perbuatan ini mestilah dititikberatkan kerana ibu bapa tidak patut beranggapan bahawa pendidikan anak-anak adalah bermula dan berakhir di sekolah semata-mata kerana peranan mereka dalam mendidik anak-anak

adalah lebih besar berbanding dengan pihak-pihak yang lain.

Antara cara yang boleh membentuk diri dengan disiplin masa dengan baik adalah ibu bapa mestilah merancang jadual harian mereka dengan teratur, mengetahui “*deadline*” bagi setiap tugas, berani mengatakan tidak untuk perkara yang tidak bermanfaat dan elakkan diri daripada menangguh tugas (Musa, 2021). Rasulullah SAW bersabda daripada Abu Hurairah r.a:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمَرْءِ تَرْكُهُ
مَا لَا يَنْفَعُهُ

“Antara tanda baiknya Islam seseorang, dia meninggalkan sesuatu yang tidak berguna baginya”.

(Hadith oleh Imam at-Tirmizi, Jami' at-Tirmizi, Kitab Zuhud, Bab antara kecemerlangan Islam seseorang ialah meninggalkan perkara yang tidak berkaitan dengannya, no hadith 2317).

Oleh yang demikian, komitmen dalam pembelajaran al-Quran memerlukan kepada disiplin yang tinggi supaya ibu bapa boleh istiqamah dalam mengaji al-Quran. Masih tidak terlambat jika ingin mengubah kepada persekitaran yang baharu kerana ia boleh memperbaiki dan membimbing ibu bapa yang sibuk dalam kerjaya ke arah yang lebih baik dan bersama-sama berganding bahu dalam menjalankan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan juga kepada anak-anak.

Solusi Mempertingkatkan Penguasaan Al-Quran

Berdasarkan analisis dijalankan, kajian melihat terdapat dua solusi yang boleh diambil untuk mempertingkatkan penguasaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa. Antara solusinya adalah ibu bapa berkerjaya digalakkan untuk melibatkan diri dalam kelas-kelas pengajian al-Quran dan mereka juga disarankan untuk memanfaatkan aplikasi-aplikasi telefon pintar yang menyediakan platform pengajian dan pembelajaran dalam bidang al-Quran.

1. Penglibatan dalam kelas pengajian al-Quran

Pada era globalisasi ini, perkembangan yang pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak membuka ruang yang boleh diambil oleh ibu bapa bagi memperkasa bidang pembelajaran al-Quran (Zulkepli et al., 2023). Namun begitu, antara faktor yang mempengaruhi bacaan al-Quran menjadi lemah adalah kaedah pembelajaran kurang efektif dan ketiadaan alat bantu mengajar yang berkesan. Kaedah pengajaran oleh guru mestilah mengikut kepada kemampuan ibu bapa tersendiri dan penggunaan alat bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga memainkan peranan yang penting sama ada ianya berbentuk elektronik atau bukan elektronik (Ghazali & Razak, 2023). Oleh yang demikian, inisiatif daripada ibu bapa seperti melibatkan diri dalam kelas pengajian al-Quran perlu bermula dengan lebih awal walaupun urusan kerjaya mereka yang padat (Hamid et al., 2023).

Oleh itu, penglibatan ibu bapa adalah digalakkan dalam kelas-kelas pengajian al-Quran, yang ditawarkan atau diiklankan oleh pelbagai pihak. Bagi ibu bapa berkerjaya, kelas pengajian al-Quran sama ada secara fizikal mahupun atas talian, sangat digalakkan bagi mereka pada luar waktu bekerja. Hal ini kerana, kelas pengajian bersama guru yang mahir dalam bidang al-Quran dapat membantu ibu bapa memperbaiki bacaan al-Quran dengan lebih mendalam dan berkesan apabila guru mendengar dan melihat bacaan mereka serta memperbetulkan bacaan yang salah (Nurbayani et al., 2024). Di samping itu, pembelajaran tajwid juga boleh dipelajari ketika sesi pembelajaran bersama guru dengan lebih dekat, dan secara tidak langsung, ibu bapa yang kurang mahir boleh menambah baik bacaan al-Quran yang dibaca dan mengaplikasikan hukum-hukum tajwid di hadapan guru mereka (Asfahani & Ibnu, 2023). Oleh yang demikian, ibu bapa perlu mengetahui segala usaha dan kesukaran mereka dalam membaca al-Quran, Allah SWT akan memberikan pahala yang berganda. Hadith daripada 'Aisyah R.A, Rasulullah SAW pernah bersabda:

الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ وَالَّذِي يَفْقَرُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

“Seorang yang mahir dalam membaca al-Quran akan bersama para malaikat yang mulia dan sentiasa taat kepada Allah dan bagi yang membaca al-Quran namun tersangkut-sangkut dan berasa susah buatnya maka untuknya itu dua ganjaran”.

(Hadith oleh Imam Muslim, Sahih al-Muslim, Kitab Solat Musafir dan penjelasan tentang Qasar, Bab keutamaan orang yang mahir membaca al-Quran dan orang yang terbata-bata dalam membacanya, no hadith 1859).

2. Penggunaan aplikasi telefon pintar dalam pembelajaran al-Quran

Pengguna telefon pintar pada dunia hari ini semakin ramai dan sudah banyak platform yang menyediakan aplikasi yang boleh membantu dan memberikan manfaat kepada masyarakat dalam pembelajaran tilawah dan tahfiz al-Quran, khususnya aplikasi media sosial. Perkembangan teknologi yang pesat dalam aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Telegram*, *Instagram* dan lain-lain, boleh merapatkan jurang dalam hubungan manusia kerana tidak dibatasi oleh jarak, ruang dan masa (Latifah Abdul Majid et al., 2024). Maka, penggunaan aplikasi media sosial dalam pembelajaran al-Quran pada masa kini sudah makin meluas bahkan, golongan belia dan dewasa juga terdedah dengan gajet dan internet yang memudahkan mereka untuk mendapatkan dan melibatkan diri dalam pembelajaran al-Quran daripada pelbagai platform yang boleh diakses seperti *Youtube*, *Whatsapp*, *Facebook* dan sebagainya (Sharudin et al., 2023).

Oleh itu, terdapat banyak aplikasi daripada *Google Play* atau *Apps store* yang boleh membantu pengguna dalam pembelajaran dan hafalan al-Quran. Hal ini kerana, sifat aplikasi yang digital ini membolehkan pengguna mengakses di mana sahaja dan sekali gus membuka ruang kepada golongan dewasa mahupun anak-anak dalam penghafalan al-Quran (Shaharuddin et al., 2024). Sebagai contoh, kajian daripada Abdul Manan et al. (2023), menyatakan bahawa peranan aplikasi *TikTok* mampu mempengaruhi pengguna dalam memahami pembelajaran pengajian Islam dan mampu untuk dijadikan satu medium rujukan dakwah yang bermanfaat untuk masyarakat, khususnya kepada golongan muda. Selain itu, Bibi et al. (2023) juga menyatakan bahawa aplikasi *Facebook* menerima respon penggunaan yang tertinggi dan meluas dalam pembelajaran al-Quran kerana responden menyatakan, mereka boleh memperbetulkan bacaan al-Quran serta mereka lebih mudah untuk mengawal keadaan pembelajaran seperti berhenti dan undur minit yang mereka ingin dengar. Malahan, mereka juga boleh memilih masa dan tempat mengikut masa mereka secara fleksibel.

Oleh yang demikian, kedua-dua solusi yang dinyatakan di atas iaitu penglibatan ibu bapa dalam kelas pengajian al-Quran dan penggunaan aplikasi-aplikasi telefon pintar untuk pembelajaran al-Quran dilihat boleh membantu mereka dalam mempertingkatkan penguasaan bacaan al-Quran. Solusi ini diharapkan dapat memudahkan dan memotivasikan ibu bapa untuk mengaji al-Quran di luar masa bekerja dan mampu mengintegrasikan pembelajaran al-Quran dalam rutin harian mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian merumuskan bahawa penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan ibu bapa masih lemah apabila ibu bapa tidak dapat membaca al-Quran dengan hukum tajwid yang sempurna. Hal ini dikatakan berpunca daripada beberapa perkara yang mempengaruhi mereka iaitu kefahaman ibu bapa dalam hukum tajwid dan terjemahan ayat al-Quran, kekerapan ibu bapa mengaji al-Quran dan disiplin masa ibu bapa untuk mengaji al-Quran. Maka, ibu bapa perlu lebih kerap membaca al-Quran kerana konsistensi daripada mereka boleh melancarkan penguasaan bacaan al-Quran. Di samping itu, disiplin masa untuk mengaji al-Quran juga perlu ditekankan kerana dengan disiplin yang tinggi, ibu bapa akan sentiasa istiqamah dengan meluangkan masa untuk mengaji dan menjadikannya sebagai satu rutin harian buat mereka.

Oleh yang demikian, masalah ini perlu diberi perhatian dengan segera supaya ibu bapa boleh mengambil inisiatif dari peringkat awal untuk mempertingkatkan penguasaan bacaan al-Quran dalam diri mereka. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar ibu bapa mengambil langkah penyelesaian dengan melibatkan diri dalam kelas pengajian al-Quran dan memanfaatkan aplikasi telefon pintar yang menyediakan platform pembelajaran al-Quran oleh guru-guru yang mahir dalam bidang al-Quran. Apabila ibu bapa berusaha untuk mempelajari al-Quran sama ada secara bersemuka atau atas talian, sedikit sebanyak ibu bapa boleh meningkatkan kualiti bacaan al-Quran kerana, penglibatan guru yang mahir dalam bidang al-Quran mampu membantu ibu bapa untuk memahami al-Quran dengan lebih mendalam dan sempurna.

Rujukan

- Abdul Manan, N. J., Lutfi, N. I., Sa'hari Anuar, N. I. & Syed Hassan, S. N. (2023). Kepentingan dan peranan aplikasi Tiktok dalam menyebarkan dakwah dikalangan remaja. *In E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara ke-IV (ARIF 2023)*. Fakulti Pengajian Quran & Sunnah & Madrasah Ahmadiyah Islamiah.
- Asfahani, A., & Ibnu, I. H. (2023). Efektifitas Metode Bagdadiyah dalam Pembelajaran Membaca Al-Qur'an siswa SMP. *Global Education Journal*, 1(01), 15-26.
- Bibi, Z. H., Bujang, A., Johari, A., & Sawani, Y. (2023). Live Al-Quran Classes in Social Media Platforms. *Journal of Multidisciplinary Islamic Studies eISSN 2785-9223*, 3(2), 1-6.
- Dauda, Y. & Abdulgafar, F. (2023). Qur'anic Model for Parenting in the 21st Century. *Jurnal Adabiyah*, 23(2), 263-285.
- Doriza, N., Yusro, N., & Hajjah Ristianti, D. (2023). Implementasi program tahsin dalam meningkatkan minat dan kemampuan membaca al-Qur'an di Sekolah Menengah Atas Negeri 2 Rejang Lebong. *Jurnal Literasiologi*, 10(1), 89-109.
- Gafur, A., Nurhasan, N., Switri, E., & Apriyanti, A. (2023). Pentingnya Ilmu Tajwid Dalam Mempelajari Al-Qur'an. *Communnity Development Journal*, 4(6), 13337-13343.
- Asfahani, A., & Ibnu, I. H. (2023). Efektifitas metode Baghdadiyah dalam pembelajaran membaca al-Qur'an siswa SMP. *Global Education Journal*, 1(1), 15-26.
- Gani, K. & Rosli, A. (2023). *Tips & Teknik Mendorong Anak Suka Mengaji*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Ghazali, H. & Razak, R. (2023). Penguasaan bacaan al-Quran dan cabarannya dalam kalangan pelajar Politeknik. *In International Conference on Business Studies and Education (ICBE) (pp. 51-60)*. ICBE Publication.
- Gosman, M., Nazarudin, M. N., Noordin, Z., Saharin, A., & Saili, S. R. (2020). Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dan Peranan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1), 1–20.
- Hakim, S., Yusoff, Z., Ariffin, S., & Anuar K. (2023). Tahfiz al-Quran Pantas Malaysia: Antara Keperluan, Cabaran Dan Solusi. *In Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hamid, N., Rosli, S., Sukri, S. & Saidin. M. (2023). Kajian terhadap keberhasilan pengajaran dan pembelajaran ilmu tajwid melalui saluran YouTube di era endamik Covid-19. *In E-Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara ke-4 (ARIF 2023)*. Penerbit USIM.
- Hanapi, F., Shaharuddin, Y., See, Y. & Lateh, H. (2022). Tahap kebolehan membaca al-Quran: Kajian kes pelajar bahasa Arab di Malaysia. *NSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities*, 5(1), 100-111.
- Ishak, I., Abd Rahman, S., Ibrahim, F. W., Khair, N. M., Abd Warif, N. M., Harun, D. & Ismai, S. (2021). The Impact of Quran Memorization on Psychological and Health Well-Being. *Review of International Geographical Education (RIGEO)*, 11(8), 337-344.

- Ismail, A. H. (2011). Kemurungan, sokongan sosial dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Luar Bandar. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Ismail, S., Hassan, K. & Ma'da, M. 2022. Halangan untuk mencapai keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan wanita bekerja di sektor awam. *Jurnal Pembangunan Sosial* 25: 169-190.
- Jamil, A. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Kurikulum standard sekolah rendah pendidikan Islam, dokumen standard kurikulum dan pentaksiran. Putrajaya: Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
- Kipayatu, S. N. D., Mokhtar, W. K. A. W., Syaima'Syatirah Jaafar, A. I., Wan, W. M. K. F., Khairuldin, M. M. I., Razali, M. A. T. M., ... & Jamaludin, A. S. (2020). The lacking of the Quran's recitation within society: An initial review. *Internafional Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(12), 69-77.
- Krejcie & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Lailatus Sholikhah. (2019). Pengaruh penguasaan ilmu tajwid terhadap kemampuan membaca al-Qur'an Siswa Kelas Viii Di Mts Fatahillah Bringin Ngalian Semarang Tahun Pelajaran 2018/2019 [Master's thesis]. Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Abdul Majid, L., Abdul Majid, A. N., Kader, H. & Wan Sulong, W. S. (2024). Exploring innovations and challenges in the study of hadith in the digital era. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14 (3), 1057-1071.
- Mohtar, S., Jomhari, N., Zulkifli, M., & Begum, M. (2022). Factors and challenges in understanding al-Quran using technology during pandemic Covid-19. *QURANICA, International Journal of Quranic Research*, 14(2), 1-17.
- Mortada, E. (2020). *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. <http://eprints.iab.edu.my/v2/970/>
- Mujahidin, E., Daudin, A., Nurkholis, I. I., & Ismail, W. (2020). Tahsin al-Quran untuk orang dewasa dalam perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Luar Sekolah*, 14(1): 26-31.
- Musa, M. (2021). *1000 Tip Menjadi Muslimah Bahagia*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Musida, N. & Sombuling, A. 2017. Pengaruh Konflik Kerja-Keluarga Terhadap Kepuasan Hidup dalam Kalangan Ibu Bapa Bekerja. *Jurnal Psikologi Malaysia* 31(3): 19-30.
- Nurbayani, Realita, Amiruddin, Lukman Affandi, & Listri Anisa. (n.d.). Use of the Talaqqi method to accelerate al-Qur'an reading at al-Ahzaab TPA. *International Journal of Society Reviews (INJOSER)*, 2(5), 1367-1374.
- Sa'ari, C. Z., Muhsin, S. B. S., Ahmad, S. S., & Abd Latif, F. (2019). Model pendidikan keibubapaan abduallah nasih ulwan (MPIU) dalam menangani isu remaja lari dari rumah. *Jurnal Usuluddin*, 47, 73-103.
- Salleh, S. & Yunus, A. (2023). Konflik kerja dan keluarga: Peranan Islam dalam kesejahteraan mental wanita bekerja. *Firdaus Journal*, 3(2), 75-85.
- Shaharuddin, S., Ismail, S., Mustafa, M., Yahaya, M. & Razali, K. S. (2024). Kemajuan inovasi aplikasi tahfiz digital: Satu kemudahan bagi pengajian tahfiz al-Quran di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 133-146.
- Sharudin, S. N., Noormen, N. W. & Syed Hassan, S. N. (2023). Pembelajaran al-Quran dalam kalangan warga emas di madrasah orang pencen: Wujudkah cabaran. In *E- Prosiding Kertas Kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-4 (ARIF 2023)*. Penerbit USIM.

- Siti Nurjannah. (2022). Involvement of parents and community within effort enhancement learn reading the qur'an through method qiroati. *In Proceedings of the International Conference on Early Childhood Education in Multiperspective, ICECEM 2022*. Purwokerto, Central Java, Indonesia.
- Yakub, A., Musa, N. & Azman, N. (2022). *Rahsia Membina Rumah Tangga Syurgawi*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Zakaria, R., Hussin, H., & Wan Bahanudin, W. Z. (2023). Peranan ibu bapa terhadap pembelajaran al-Quran secara atas talian. *Jurnal Qiraat*, 6(1), 8-15.
- Zulkepli, R. A., Rizal, N. S., Kamal, N. J. & Syed Hassan, S. N. (2023). Analisis keberkesanan pengajian al-Quran secara atas talian dalam kalangan remaja di Nilai. *In E- Prosiding kertas kerja: Konvensyen Kearifan Nusantara ke-4 (ARIF 2023)*. Penerbit USIM.